

Jabatan agama boleh banteras dadah

Negeri disaran lantik pegawai khas dekati, bimbing penagih secara langsung

BH 07/07/07 MYC 13

Oleh Hasliza Hassan


JABATAN agama Islam negeri perlu mempunyai satu jabatan khusus untuk memerangi dadah yang dianggotai mereka yang pakar dalam bidang berkenaan bagi memantapkan usaha menangani serta membanteras kegiatan penyalahgunaan dadah.

Mufti Johor, Datuk Nooh Gadot, berkata cadangan penubuhan jabatan khusus memerangi dadah itu boleh diputuskan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) Mesyuarat Ketua Jabatan Agama Islam Negeri.

Beliau berkata, jika Jain mempunyai jabatan yang menguatkuasakan undang-undang khalwat atau jenayah syariah lain, jabatan itu juga perlu mempunyai pegawai khusus untuk menangani masalah berkaitan penagihan dadah.

Katanya, pembabitan pengurusan hal ehwal agama yang mempunyai kepakaran mengenai isu penagihan dadah akan memberi keyakinan kepada masyarakat terutama penagih terhadap kesungguhan mereka bersama membantu memerangi dadah.

“Jika kita hendak beri nasihat atau kaunseling, kita perlu mendapat keyakinan serta kepercayaan penagih itu terlebih dulu. Justeru, mereka yang menganggotai jabatan khusus memerangi dadah seperti jabatan agama Islam negeri, perlu benar-benar pakar dan bersedia menurunkan ilmu.



BINCANG ISU SOSIAL: Sebahagian peserta Seminar Memerangi Dadah Bersama Pengurusan Hal Ehwal Islam Peringkat Kebangsaan di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

“Jika setakat pergi lorong yang menjadi tempat penagih, pakai baju kot atau tali leher panjang, tak payahlah. Perlu pakai pakaian yang sesuai supaya dapat meyakinkan penagih,” katanya pada forum Seminar Memerangi Dadah Bersama Pengurusan Hal Ehwal Islam Peringkat Kebangsaan, di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Forum itu membicarakan Peranan Institusi Pentadbiran Hal Ehwal Islam Menangani Pencegahan, Penyalahgunaan, Penagihan, Pemulihan dan Pencegahan Penagihan Semula di Kalangan Umat Islam.

Seminar Memerangi Dadah Bersama Pengurusan Hal Ehwal Islam Peringkat Kebangsaan yang diadakan selama tiga hari bermula 3 Julai lalu adalah anjuran bersama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Nooh berkata, sentuhan agama sama ada dalam bentuk nasihat, kaunseling atau pembabitan secara lang-

sung oleh pegawai pengurusan hal ehwal Islam dengan penagih mampu menjadi faktor penyokong dalam proses pemulihan penagihan dadah.

Justeru, katanya, orang agama tidak boleh menjadi hakim yang menghukum tetapi mereka hendaklah berperanan sebagai doktor atau tabib yang berusaha mencari penawar bagi mengubat penyakit ketagihan yang dihadapi penagih dadah.

“Kita perlu merangka modul pemulihan yang sesuai menggunakan pendekatan agama supaya berkesan dan menghasilkan keputusan diharapkan. Ia memerlukan kerjasama pakar agama dan mereka yang mahir dengan isu penagihan dadah,” katanya.

Beliau turut mencadangkan supaya diwujudkan majlis tilawah al-Quran bekas penagih dadah yang menyediakan hadiah pakej menunaikan umrah atau haji ke Makkah sebagai pendorong kepada golongan berkenaan mendekatkan diri dengan program berteraskan keagamaan.

Sementara itu, Presiden Pengasih Malaysia (Pengasih), Mohd Yunus Pathi menyarankan pengurusan hal ehwal agama mencontohi tindakan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang mengambil tindakan proaktif turun padang membantu penagih serta kumpulan bermasalah sambil berdakwah kepada mereka.

Katanya, pegawai MAIWP yang diketuai sendiri Pengarahnya, Datuk Che Mat Che Ali sering meronda sepanjang jalan dari Pusat Islam melewati Jalan Raja Laut hingga ke Chow Kit untuk mendekati penagih dadah, kumpulan gay dan penghidap HIV.

“MAIWP akan memberi hadiah, makanan dan pada masa sama menyeru mereka ke jalan agama. Mereka tidak menghukum tetapi cuba memahami keadaan yang dihadapi golongan ini dan mengajak kembali kepada agama.

“Ia sepatutnya dicontohi Majlis Agama Islam setiap negeri di Ma-

laysia. Jangan asyik pandang penagih sebagai orang yang melakukan maksiat dan disebabkan itu mereka tidak perlu didekati. Selagi ada persepsi begitu, bagaimana kita hendak atasi masalah dadah?” katanya.

Katanya, bekas penagih yang sudah bebas daripada pengaruh dadah juga perlu dilatih untuk menjadi pendakwah seterusnya berkhidmat membantu pengurusan hal ehwal agama dalam aktiviti pemulihan sama ada di penjara, Pusat Serenti atau pusat pemulihan.

Pensyarah Kuliyah Undang-undang Ahmad Ibrahim Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Prof Madya Dr Mahamad Ariffin pula berkata, pembabitan pihak pengurusan hal ehwal agama akan lebih bermakna jika mendapat sokongan agensi serta kementerian lain yang mempunyai kumpulan sasar khusus.

Beliau berkata, kementerian yang terbabit dengan pelajar serta golongan belia perlu lebih berhati-hati

terhadap program dijalankan dan jangan mementingkan untuk popular hingga apa yang dilakukan menimbulkan masalah.

Katanya, begitu juga dengan program televisyen, perlu dibendung supaya tidak menyogok program yang hanya menjurus remaja kepada kegiatan yang cenderung mendatangkan keseronokan selain mengambil tindakan tegas terhadap artis terbabit dengan dadah.

“Artis terbabit dadah atau khalwat masih diberi tempat, malah ada setengahnya diberi perangsang untuk meneruskan karier. Sepatutnya mereka digantung buat sementara waktu hingga mereka menunjukkan perubahan.

“Apabila kita sendiri memberi sokongan kepada artis terbabit dengan dadah, remaja yang melihat keadaan ini akan beranggapan, tidak ada salah jika ambil dadah. Artis sering dijadikan idola dan sepatutnya mereka memberi contoh yang baik,” katanya.